

16 Disember 2020 (Rabu)

CMH Healthcare sasar ke Bursa Malaysia 2025

SEREMBAN: Hospital swasta, Hospital Pakar CMH dekat sini yang dikendalikan oleh CMH Healthcare Sdn. Bhd. menyasarkan untuk disenaraikan di Bursa Malaysia pada 2025.

Presiden Hospital Pakar CMH, Datuk Lee Tian Hock berkata, untuk langkah pertama ke arah itu, penjenamaan semula hospital berkenaan daripada Hospital Negeri Sembilan Chinese Maternity (NSCMH) kepada Hospital Pakar CMH, telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kelmarin.

“Mengikut pelan awal, hospital pakar ini diletakkan bawah CMH Healthcare Sdn. Bhd. dan akan disenaraikan di Bursa Malaysia pada 2025. Bagi pelan lima tahun ini, langkah pertama kita adalah mendapatkan kelulusan untuk menukar Negeri Sembilan Chinese Maternity Association (NSCMA) kepada Hospital Pakar CMH.

“Hospital Pakar CMH akan dijalankan secara profesional dan bebas dalam memenuhi objektif korporatnya selain memastikan perkhidmatan dan kepakaran perubatannya dapat bersaing di



LEE Tian Hock (kanan) ketika merasmikan papan tanda baharu Hospital Pakar CMH dalam majlis di hospital berkenaan dekat Seremban, kelmarin.

peringkat tempatan dan antarabangsa. Sasaran kami adalah untuk menyenaraikan Hospital Pakar CMH di Bursa Malaysia pada akhir 2025 juga,” katanya. Beliau berkata demikian

dalam sidang akhbar selepas merasmikan papan tanda baharu Hospital Pakar CMH di Seremban kelmarin.

Sementara itu, menurut Tian Hock, pengorporatan Hospital

Pakar CMH yang sebelum ini dikendalikan oleh NSCMA sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak akan menyebabkan kenaikan harga atau caj rawatan di hospital tersebut.